

CNS8397

U CB 04-09 00162 BA397

Bah

Mahathir - Lapangan terbang

MELAKA. 4 Sept (Bernama) -- Kawasan sekitar Sepang di Selangor telah diwartakan sebagai tapak pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru. kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata ekoran itu segala urusan hartanah di kawasan itu sudah dibekukan dan tiada siapa yang boleh membeli tanah di kawasan itu lagi.

Beliau menyatakan demikian pada persidangan akhbar selepas membengerusikan mesvuarat mingguan Jemaah Menteri di sini hari ini. Mesvuarat itu merupakan yang ketiga diadakan di luar ibu negara selepas Langkawi dan Kuching.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan telah membuat keputusan untuk membina lapangan terbang yang baru di Sepang dengan kemungkinan kosnya sebanyak \$20,000 juta.

Perdana Menteri berkata Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang mungkin dijadikan pangkalan tentera udara atau untuk penerbangan dalam negeri sahaja atau perkhidmatan kargo.

Katanya, kerajaan belum menentukan mengenai kegunaan lapangan terbang di Subang itu. -- Lagi.

♥04/09/14-59MST

CNS8404

U CB 04-09 00133 BA398

Bah

Mahathir - Lapangan terbang 2 Melaka

Datuk Seri Dr Mahathir berkata keputusan untuk membina lapangan terbang di Sepang dibuat kerana lapangan terbang di Subang tidak boleh diperbesar lagi untuk menampung keperluan pesawat yang semakin banyak menggunakan lapangan terbang itu.

Katanya, mengikut perkiraan kerajaan, sebuah lagi landasan perlu dibina di lapangan terbang di Subang kerana bilangan pesawat yang bertambah menjelang tahun 2000.

+Kita ada pilihan sama ada hendak membina landasan kedua di Subang atau membina lapangan terbang baru. Pada pendapat kita lapangan terbang baru lebih sesuai kerana kita tidak tahu berapa banyak lagi yang perlu kita bina pada masa akan datang.+ tambah beliau.

Apabila ditanya bila pembinaan lapangan terbang baru itu dimulakan, beliau berkata kerajaan sedang mengkaji perkara itu. -- Lagi.

♥04/09/15-06MST

CNS8423

U CB 04-09 00181 BA402

Bah

Mahathir - Lapangan terbang 3 (Akhir) Melaka

Katanya, jumlah kos \$20,000 juta yang beliau sebutkan semalam hanya anggaran sahaja dan bukannya peruntukan yang telah ditentukan.

Kerajaan membina lapangan terbang itu mengikut keperluan negara, kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata mesyuarat Kabinet selama kira-kira empat jam hari ini mengesahkan pemberian peruntukan sebanyak \$236 juta kepada kerajaan negeri Melaka untuk mendapatkan bekalan air dari Sungai Muar.

Projek itu merupakan penyambungan paip dari Sungai Muar ke Empangan Durian Tunqal untuk mengatasi krisis air yang melanda negeri ini sejak Januari lepas.

Datuk Seri Dr Mahathir memuji kerajaan negeri Melaka kerana sanggup menggunakan wang sendiri untuk melaksanakan beberapa projek tanpa meminta bantuan kerajaan Pusat.

Beliau menvebut usaha kerajaan negeri ini membina laluan dua lorong dan projek-projek pelancongan yang menelan belanja berjuta ringgit tanpa meminta bantuan kerajaan Pusat.

Katanya, kerajaan Pusat bersedia menimbang permohonan kerajaan negeri ini untuk mendapatkan bantuan bagi projek lain.

Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik juga hadir pada persidangan akhbar itu. -- Bernama.

04/09/15-40MST